



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

# KERATAN AKHBAR KESUMA”

”

ISNIN  
27 April 2026



# Kerajaan sasar 200,000 penempatan kerja tahun ini

Oleh QHAIRUL NIZAM HASHI  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Sebanyak 200,000 penempatan pekerjaan disasarkan kerajaan tahun ini menerusi pelbagai inisiatif padanan kerjaya dan program kebolehpasaran di seluruh negara.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R. Ramanan berkata, angka itu mampu dicapai susulan sambutan memberangsangkan terhadap Karnival Kerjaya Premium MYFutureJobs 2026 yang menawarkan lebih 10,000 peluang pekerjaan dengan gaji permulaan antara RM3,000 hingga RM16,000.

Katanya, sebanyak 10,000 peluang pekerjaan ditawarkan melibatkan pelbagai majikan termasuk syarikat multinasional, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sektor swasta.

“Dalam keadaan ekonomi semasa, peluang ini dilihat amat baik susulan jumlah tawaran pekerjaan yang banyak serta pakej dan ganjaran menarik yang disediakan majikan kepada calon berjaya,” katanya dalam sidang akhbar Karnival Kerjaya Premium MYFutureJobs 2026 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini, semalam.

Turut hadir Timbalan Men-



**R. RAMANAN** menyantuni para pengunjung yang mendapatkan maklumat di reruai Karnival Kerjaya Premium MYFutureJobs 2026 anjuran Perkeso di KLCC, Kuala Lumpur semalam.

teri Sumber Manusia, Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan dan Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), Datuk Seri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Ramanan berkata, usaha memperluas peluang pekerjaan

turut dirangkumkan dalam penganjuran Karnival Lindung Kerjaya yang dijadualkan pada 9 Mei ini dengan penyertaan lebih 52 syarikat.

“Penganjuran karnival turut diperluaskan ke Sabah dengan sasaran antara 5,000 hingga 10,000 peluang pekerjaan pada

9 Mei,” katanya.

Ujarnya, peluang pekerjaan yang ditawarkan dalam MYfuturejobs merangkumi pelbagai sektor termasuk kejururawatan, kejuruteraan, perbankan dan audit dengan hampir 30 peratus permohonan tertumpu dalam industri perkhidmatan.

# Kerajaan umum inisiatif tangani ketidaktentuan pasaran buruh

**Langkah proaktif dibuat susulan ramai kehilangan pekerjaan akibat tekanan ekonomi global**

Oleh Hannah Norbaqqa Syarul  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan dijangka mengumumkan beberapa inisiatif tambahan sempena sambutan Hari Pekerja pada 1 Mei ini bagi menangani ketidaktentuan pasaran buruh susulan tekanan ekonomi global dan krisis geopolitik semasa.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R Ramanan, berkata langkah proaktif itu dibuat susulan trend kehilangan pekerjaan yang membimbangkan apabila 5,900 rakyat Malaysia dilaporkan diberhentikan kerja pada Mac lalu, dengan Selangor dan Kuala Lumpur merekodkan jumlah tertinggi.

Katanya, katanya antara inisiatif bakal diumumkan termasuk penambahbaikan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akte 800) bagi memperkuatkan perlindungan sosial pekerja, selain memudahkan akses kepada program latihan semula dan peningkatan kemahiran.

"Inisiatif sokongan krisis yang komprehensif akan diumumkan sempena sambutan

Hari Pekerja nanti.

"Usaha ini penting untuk mempercepatkan proses penempatan semula pekerja ke sektor pekerjaan yang lebih stabil, sekali gus mengurangkan tekanan terhadap pasaran buruh negara," katanya.

Belliau berkata demikian pada sidang media selepas lawatan tapak Karnival Kerjaya Premium MYFutureJobs 2026 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Khairul Firdaus Akbar Khan serta Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Datuk Seri Dr Azman Aziz Mohammed.

Sebelum ini, Hong Leong Investment Bank (HLIB) melaporkan Selangor dan Kuala Lumpur terus mencatatkan jumlah kehilangan pekerjaan tertinggi pada Mac lalu berdasarkan data Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

## **KESUMA** lancar hab imersif

Mengulas penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam platform MYFutureJobs, Ramanan berkata, KESUMA melancarkan hab imersif pertama di Kuala Lumpur bagi membantu pencari kerja mendapatkan padanan pekerjaan yang lebih tepat dan berseesuaian.

Katanya, teknologi AI itu mampu membangunkan portfolio pencari kerja secara automatik selain memadankan mereka dengan pekerjaan yang menawarkan gaji terbaik mengikut kemahiran dan pengu-



Ramanan melawat tapak Karnival Kerjaya Premium MYFutureJobs 2026 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam. (Foto Raihana Mansor/BH)

laman dimiliki.

"AI ini sudah bermula dan beroperasi sepenuhnya di Kuala Lumpur. Ia sangat mudah digunakan dan tidak memerlukan kemahiran teknologi yang tinggi.

"Dengan menggunakan AI, sistem itu akan membantu membina portfolio pengguna dan memadankan mereka dengan pekerjaan yang sesuai di bawah portal MYFutureJobs," katanya.

Sementara itu, KESUMA menyasarkan sebanyak 200,000 pe-

nempatan pekerjaan tahun ini menerusi pelbagai inisiatif padanan kerjaya dan program kebolehpasaran yang diperluaskan di seluruh negara.

Katanya, sasaran itu dilihat mampu dicapai susulan sambutan memberangsangkan terhadap Karnival Kerjaya Premium MYFutureJobs 2026 yang menawarkan lebih 10,000 peluang pekerjaan dengan gaji permulaan antara RM3,000 hingga RM16,000.

Peluang pekerjaan itu disediakan pelbagai syarikat termasuk syarikat multinasional, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta sektor swasta.

"Sasaran kita bagi penempatan pekerjaan tahun ini saja ialah 200,000. Dalam keadaan ekonomi semasa, saya fikir ini peluang yang sangat baik kerana banyak pekerjaan ditawarkan dan majikan juga menyediakan pakej serta ganjaran menarik kepada calon yang berjaya," katanya.

# Sasar 200,000 dapat kerja gaji atas RM3,000

- **MyFutureJobs 2026 di seluruh negara anjuran Perkeso**
- **Menawarkan pakej imbuhan yang kompetitif serta pengiktirafan**


Oleh **NUR ALWANI ZAFIRAH  
KHAIRUL**

**KUALA LUMPUR** – Sebanyak 200,000 penempatan pekerjaan disasarkan tahun ini menerusi siri jelajah Karnival Kerjaya Premium MYFutureJobs 2026 di seluruh negara anjuran Kementerian Sumber Manusia menerusi Parti Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R. Ramanan berkata, peluang pekerjaan yang ditawarkan ini meliputi pelbagai sektor dengan gaji permulaan antara RM3,000 hingga RM16,000 sebulan.

“Saya rasa ini adalah peluang terbaik terutama dalam keadaan ekonomi sekarang ini. Banyak peluang pekerjaan disediakan daripada syarikat multinasional, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta sektor swasta.

“Terdapat juga syarikat menawarkan pakej imbuhan yang kompetitif serta pengiktirafan kepada yang telah ditawarkan pekerjaan. Ini tidak tumpu di Semenanjung sahaja, tapi turut melibatkan Borneo,” katanya



**RAMANAN** ketika meninjau penerangan yang diberikan kepada syarikat yang menawarkan kerja di MYFuture Jobs di KLCC semalam.

pada sidang akhbar di Karnival Kerjaya Premium MYFutureJobs 2026 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini semalam.

Tambah Ramanan, sektor pembuatan dan perkhidmatan antara yang mencatat permintaan tertinggi, selain bidang kejuruteraan, perbankan serta kejururawatan yang terus menjadi tumpuan pencari kerja.

Sementara itu, Perkeso dalam kenyataan memaklumkan, seramai 799 individu telah berjaya memperoleh pekerjaan sepanjang karnival kerjaya premium berlangsung sempena sambutan Hari Pekerja 2026.

Jelas Perkeso, daripada jumlah tersebut, beberapa orang telah berjaya ditempatkan di syarikat-syarikat berkaitan kera-

jaan seperti KPJ Healthcare, APPAR Technologies, UOS Group dan Habib Group.

Mengulas mengenai 5,900 rakyat Malaysia diberhentikan kerja pada Mac lalu, Ramanan berkata, Kesuma akan melancarkan satu siri inisiatif sokongan krisis bersasar bagi menangani impak ketidakpastian ekonomi global yang berpunca daripada tekanan geopolitik semasa.

“Beberapa inisiatif sokongan krisis yang komprehensif akan diumumkan sempena Sambutan Hari Pekerja pada 1 Mei bertujuan meningkatkan kebolehpasaran pencari kerja melalui intervensi yang lebih dinamik, termasuklah penambahbaikan kepada Akta 800 (Akta Sistem Insurans Pekerjaan) sedia ada.

STRONGER SOCIAL PROTECTION

# MINISTRY TO ROLL OUT SUPPORT FOR JOBSEEKERS



Move follows recent spate of layoffs in the country, says minister

NOR AIN MOHAMED RADHI  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**T**HE Human Resources Ministry will roll out targeted support initiatives to address the impact of global economic uncertainty due to current geopolitical tensions.

Its minister, Datuk Seri R. Ramanan, said the move followed the recent spate of layoffs in the country.

"The ministry will announce several comprehensive crisis support initiatives for Labour Day on May 1," he said in a statement after visiting the MYFutureJobs Premium Career Carnival 2026 at the Kuala Lumpur Convention Centre here yesterday.

Present was Social Security Organisation chief executive officer Datuk Seri Mohammed Azman Aziz Mohammad.

It was reported that Malaysia recorded 5,900 job losses last month. However, this figure was



Datuk Seri R. Ramanan

down 21.3 per cent from February's 7,500.

Most of the job losses were in the manufacturing, wholesale and retail, and information and communication sectors.

Selangor accounted for 29.3 per cent of the layoffs last month, followed by Kuala Lumpur at 25.6 per cent.

Economy Minister Akmal Nasrullah Mohd Nasir had said the do-

mestic labour market was expected to feel the full impact of the global energy and geopolitical

crisis by June.

Ramanan added that the initiatives aim to enhance the marketability of jobseekers through dynamic interventions, including improvements to the Employment Insurance System Act.

"These improvements are expected to provide more comprehensive benefits to workers, including stronger social protection and easier access to reskilling and upskilling programmes.

"This effort is a critical step by the ministry to accelerate the re-deployment of workers into more stable employment sectors, thereby reducing pressure on the national labour market," he said.

On the MYFutureJobs Premium Career Carnival, Ramanan said 10,000 jobs, with salaries

ranging from RM3,000 to RM15,000, were offered at the two-day event, which ended yesterday.

The carnival featured a wide range of employers, including multinational corporations, government-linked companies and private sector firms.

Ramanan said sectors with high demand for workers included manufacturing and services, as well as nursing, banking and auditing.

"The services sector accounts for nearly 30 per cent of the jobs offered, reflecting positive growth in the industry," he said.

He said the ministry aims to achieve at least 200,000 job placements this year through various initiatives, including MYFutureJobs.

## HR Ministry to launch worker support initiatives

**KUALA LUMPUR:** A series of comprehensive support initiatives will be launched to address the impact of the global supply crisis on the labour market, says Human Resources Minister Datuk Seri R. Ramanan (*pic*).

He said the proactive measures were taken following a worrying trend in the national labour market which saw 5,900 Malaysians laid off last month, with workers in Selangor and Kuala Lumpur being the worst affected.

He said the initiative aimed to increase the marketability of job seekers through more dynamic interventions, including improvements to the Employment Insurance System Act 2017 (Act 800) to address the impact of global economic uncertainty stemming from the current geopoliti-

cal tensions.

"These improvements are expected to provide more comprehensive benefits to workers, including social protection and easier access to reskilling and upskilling programmes.

"This effort is a critical step by the ministry to accelerate the process of re-deploying workers to more stable employment sectors, thus reducing pressure on the national labour market," he said yesterday, Bernama reported.

He said the ministry would also organise a series of tours to universities nationwide to reach out to prospective graduates, under-



stand their challenges and provide dialogue, career guidance and job matching to ensure local talent remains relevant and resilient in a challenging economy.

Earlier, Ramanan visited the MY Future Jobs Premium Career Carnival 2026 at the Kuala Lumpur Convention Centre here.

Also present was Social Security Organisation chief executive officer Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

When met by reporters, he said the carnival aims to help more than 200,000 job seekers find jobs.

He said more than 10,000 job opportunities with salary offers

ranging from RM3,000 to RM16,000 are available at the event which will run for two days over the weekend, with the manufacturing and services sectors among those offering the most opportunities.

In a related development, Deputy Human Resources Minister Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan said 10,000 more job opportunities would be offered at the Lindung Career Carnival in Kota Kinabalu on May 9 and 10.

"I understand that more than 52 companies have agreed to participate. Our hope is that every step and plan carefully put together by the ministry can be implemented at the state level, and most importantly, all job seekers have the opportunity to get a job," he said.